



B/A 16/8/12 ms 32.

“
Program BRS ini
adalah satu daripada
usaha mencabar dan
menarik kerana kita
cuba
menyelamatkan
haiwan terancam
Malaysia dari terus
pupus”

Musa Hitam
Pengerusi YSD



Kumpulan pakar veterinar
melakukan pemeriksaan
ke atas Puntung.

Usaha menyelamatkan badak Sumatera

Kumpulan pakar veterinar BRS lakukan
pembiakan atasi kepupusan



Dr Abdul Hamid (tiga
dari kiri) bersama Dr
Junaidi Payne (kiri)
melihat kakitangan
menjaga Puntung.



**MONA
AHMAD**

mona@bharian.
com.my

Dianggarkan terdapat hanya 200 badak Sumatera di dunia ini iaitu di kepulauan Sumatera dan Borneo. Di Malaysia, badak Sumatera adalah spesies hidupan liar yang terancam dan berdepan kepupusan. Bagaimanapun, hasrat Malaysia untuk mencegah kepupusan badak Sumatera semakin cerah hasil prosedur perubatan yang dicipta sekumpulan pakar veterinar terkemuka dunia di Pusat Badak Borneo (BRS), baru-baru ini.

Prosedur itu memberi peluang kepada satu-satunya badak betina Sumatera yang ditempatkan di BRS, Hutan Hidupan Liar Tabin, Lahad Datu, Sabah, yang mengalami masalah sista endometrial di bahagian rahim, untuk bunting.

Pemeriksaan tingkat peluang bunting

Kumpulan pakar veterinar dari Institut Leibniz bagi Penyelidikan Hidupan Liar dan Zoo (IZW), Berlin yang diketuai Dr Thomas Hildebrand itu sudah beberapa kali melakukan pemeriksaan terhadap badak Sumatera yang dikenali sebagai Puntung bagi menentu dan meningkatkan peluangnya untuk bunting.

Pengarah Eksekutif, Borneo Rhinoce-



ros Alliance (BORA), Dr Junaidi Payne, berkata kumpulan pakar veterinar itu menjalankan pemeriksaan terhadap Puntung sebanyak tiga kali.

“Kita terkejut apabila mendapati Puntung mengalami masalah ketumbuhan sista endometrial yang sekali gus mengurangkan peluang untuk bunting. Penyakit itu dikesan dalam pemeriksaan ultrasound pada 24 Februari lalu.

“Sebulan selepas itu, antibiotik digunakan dalam cubaan pertama untuk membuang sista dalam bahagian rahim. Tiga bulan selepas itu lebih banyak ketumbuhan dibuang menggunakan peralatan laser endoskopik,” katanya.

Beliau berkata, sista ini bukan saja mendatangkan kesakitan kepada haiwan itu, tetapi membataskan sperma daripada masuk ke ovari selain menghalang suntikan embrio ke dinding rahim.

“Kini, program pasukan khas BRS perlu memutuskan sama ada untuk mempromosikan pembiakan secara semula jadi atau memilih teknologi seperti per-

INFO

Badak Sumatera

⊙ Dianggarkan 200 badak Sumatera di dunia iaitu di kepulauan Sumatera dan Borneo.

⊙ Program BRS yang dimulakan kerajaan Sabah pada 2009 bertujuan mencegah kepupusan badak Sumatera.

manian beradas,” katanya.

Kejayaan biak badak Sumatera

Bulan lalu, Indonesia berjaya dalam percubaan membiakkan badak Sumatera dengan kelahiran anak badak yang dinamakan Andatu, antara empat badak Sumatera yang berjaya lahir dalam pembiakan kurungan sejak kurun lalu.

Bapa Andatu, Andalas adalah badak Sumatera pertama yang lahir menerusi pembiakan kurungan selepas 112 tahun iaitu pada 2001 di Zoo Cincinnati.

Badak jantan itu dipasangkan dengan badak betina yang dikenali sebagai Ratu pada 2009 di Pusat Perlindungan Badak Sumatera dalam Taman Negara Way Kambas di Sumatera, Indonesia.

Selepas dua kali mengalami keguguran, Ratu melahirkan Andatu selepas membuntingkannya selama 16 bulan.

Puntung yang mempunyai benjol di kaki kirinya, diterbangkan dari kehidupan bersendirian di cerun bukit di Hutan Hidupan Liar Tabin pada 25 Disember 2011 dalam operasi yang dramatik. Ia dipasangkan dengan badak Sumatera jantan yang dikenali sebagai Ketam di BRS.

“Kita berharap pasangan itu dapat melahirkan baka yang boleh menyelamatkan spesies itu daripada terus pupus,” katanya.

Kaki Puntung dipercayai cedera akibat terkena perangkap yang dipasang pemburu haram ketika ia masih kecil tetapi kecederaannya pulih dan ia ter- selamat.

Program BRS yang dimulakan kerajaan Sabah pada 2009 bertujuan mencegah kepupusan badak Sumatera, satu-satunya spesies di Malaysia.

Sumbangan YSD untuk program BRS

Sementara itu, Yayasan Sime Darby (YSD), rangkaian Kumpulan Sime Darby menyumbangkan RM5 juta sejak tiga tahun kebelakangan ini dan berikrar menyumbang RM6.4 juta lagi bagi pembangunan dan operasi program BRS bagi program tiga tahun akan datang.

Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah, Dr Laurentius Ambu, berkata kerjasama rapat antara kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO), institusi penyelidikan dan sokongan kewangan penting dalam rangka kerja untuk menyelamatkan spesies haiwan terancam Malaysia.

Selain, BORA yang menjalankan program harian dan kemudahan di Tabin, WWF Malaysia membantu memantau dan mengawal populasi hidupan liar sementara IZW membantu dari segi teknologi pembiakan terkini.

Dalam perkembangan sama, Pengerusi BORA, Dr Abdul Hamid Ahmad berkata perkara utama dalam pembiakan haiwan liar adalah tahap kesihatan haiwan berkenaan termasuk mengurangkan segala bentuk tekanan dari segi biologi dan mental.

“Tidak guna meneruskan program pembiakan jika haiwan itu mati kerana tahap kebersihan yang rendah dan jika pembiakan terdedah kepada kemurungan berikutan tekanan. Kita beruntung kerana Dr Zainal Zahari Zainuddin sebagai pengurus lapangan BORA adalah pakar paling berpengalaman dalam veterinar mamalia,” katanya.

YSD ikrar cegah kepupusan haiwan terancam

Pengerusi YSD, Tun Musa Hitam, berkata yayasan itu berikrar untuk mencegah kepupusan sembilan haiwan terancam selain badak Sumatera.

“Program BRS ini adalah satu daripada usaha mencabar dan menarik kerana kita cuba menyelamatkan haiwan terancam Malaysia dari terus pupus. Kami sedar dengan halangan besar iaitu kekurangan badak yang subur. Kami rasa menjadi tanggungjawab moral untuk mencuba sebaik mungkin sementara masih mempunyai peluang untuk berjaya,” katanya.